

Kemiskinan sememangnya nyata pada awal pertumbuhan ekonomi di negara ini. Pada tahun 1947, dianggarkan bahawa lebih 80% isi rumah di Malaysia merupakan golongan miskin tegar. Apabila kajian yang lebih terperinci dilakukan pada tahun 1970, data mendapati bahawa lebih 58% isi rumah di luar bandar dikelaskan dalam kumpulan keluarga miskin berbanding dengan kadar lebih 24% di bandar.


Kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat telah membasmi gejala kemiskinan. Kadar kemiskinan tegar turun menjadi separuh dalam jangka masa 20 tahun. Kadar itu turun lebih pesat menjadi kurang daripada sepertiga pada 20 tahun selanjutnya. Tahun 2014 dianggap tahun kemuncak kerana kadar kemiskinan luar bandar hanya tinggal 1.6% (penurunan 36 kali ganda) dan kemiskinan bandar menjadi 0.3% (penurunan 80 kali ganda).

Jika dipadankan dengan graf peningkatan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), penurunan kadar kemiskinan merupakan keterbalikan sempurna graf kemiskinan di negara ini. Maksudnya, boleh katakan bahawa terdapat hubungan yang amat rapat antara peningkatan Keluaran Negara Kasar (KNK) dengan penurunan kadar kemiskinan. Alasan yang mudah ialah peningkatan KNK membawa kesan positif terhadap ekonomi dalam bentuk peningkatan pendapatan, iaitu upah dan gaji serta peluang perniagaan sokongan yang wujud. Hal itu juga meningkatkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan dalam negara yang menggalakkan pertumbuhan perniagaan dan pendapatan kumpulan

Kemiskinan di Malaysia Pasca- COVID-19



Barjoi Bardai



peniaga mikro, peniaga kecil dan pekerja sendiri.

Arah Tuju Kemiskinan di Malaysia

Sejak tahun 1957, kita telah menyaksikan perubahan yang ketara. Petunjuk penting yang perlu diperhatikan ialah metodologi pengukuran kemiskinan dan ketersediaan data telah berkembang dari masa ke masa yang boleh menjejaskan perbandingan anggaran kemiskinan dalam tempoh yang berbeza. Berikut adalah gambaran keseluruhan perkembangan utama trend kemiskinan di Malaysia:

- **Zaman awal kemerdekaan (1957-1970)**
 - Dalam tempoh ini, kadar kemiskinan di Malaysia agak tinggi, dengan anggaran antara lebih 50% pada akhir 1950-an dan 49% pada tahun 1970.
 - Kerajaan melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan seperti skim penempatan semula tanah FELDA dan inisiatif pembangunan luar bandar bagi menangani kadar kemiskinan yang tinggi.

- **Era Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990)**


- DEB yang diperkenalkan pada tahun 1971 bertujuan menangani kemiskinan dan jurang sosioekonomi dalam kalangan kumpulan etnik yang berbeza di Malaysia.
- Usaha pengurangan kemiskinan memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar, pertanian, pendidikan, dan penjaan pekerjaan.
- Pada akhir 1980-an, kadar kemiskinan Malaysia telah menurun dengan ketara kepada sekitar 17%.

- **Tempoh DEB - Dasar Baru Ekonomi (1990-1999)**


- Malaysia mengalami penurunan kadar kemiskinan dalam tempoh ini, terutamanya didorong oleh pertumbuhan ekonomi dan perindustrian yang mampan.
- Strategi pengurangan kemiskinan beralih ke arah menggalakkan perbandaran dan pembangunan perindustrian dengan tumpuan kepada meningkatkan peluang pekerjaan dan infrastruktur.
- Kadar kemiskinan menurun kepada sekitar 8% pada akhir tahun 1990-an.

- **Alaf Baru (2000 dan seterusnya)**

- Malaysia terus mencapai kemajuan dalam pengurangan



Rajah 1 Kadar kemiskinan tegar dalam jangka masa 20 tahun.







Rajah 2 Pertumbuhan KDNK Malaysia bagi tahun 1960 hingga 2021.

kemiskinan bagi tempoh ini walaupun pada kadar yang lebih perlahan.

- Usaha telah diarahkan ke arah menangani kemiskinan bandar dan ketidaksetaraan pendapatan bersama dengan usaha memperluaskan program kebajikan sosial.
- Kadar kemiskinan jatuh di bawah paras 5% pada awal 2010.

Perlu diingat bahawa garis kemiskinan rasmi Malaysia dan metodologi untuk mengukur kemiskinan telah berubah dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, garis kemiskinan telah disemak semula pada tahun 2005 untuk mencerminkan kos sara hidup dan variasi serantau dengan lebih baik. Semakan ini boleh memberikan kesan terhadap perbandingan anggaran kemiskinan dalam tempoh yang berbeza.

Walaupun statistik rasmi menunjukkan penurunan ketara bagi kadar kemiskinan, petunjuk penting untuk

	Kelas Kemiskinan	Indeks Garis Kemiskinan (PLI)	Definisi dan Pengukuran Kemiskinan
Kemiskinan Tegar		<p>Kemiskinan tegar merujuk keadaan individu atau keluarga hidup di bawah garis kemiskinan yang melampau. Definisi ini merujuk tahap kemiskinan yang sangat teruk, iaitu individu atau keluarga tidak mempunyai akses yang mencukupi terhadap keperluan asas seperti makanan, air bersih, perumahan, pakaian, dan perkhidmatan kesihatan. Kemiskinan tegar sering diukur menggunakan garis kemiskinan mutlak yang merupakan ambang pendapatan atau perbelanjaan yang sangat rendah. Kemiskinan tegar ditakrifkan sebagai isi rumah empat orang dengan pendapatan di bawah RM1169 sebulan (PLI makanan).</p>	<p>Kemiskinan tegar sering ditakrifkan sebagai pendapatan yang sangat rendah, iaitu bawah USD1.90 sehari. Angka ini merupakan nilai ambang yang ditetapkan oleh Bank Dunia untuk menggambarkan keadaan yang melampau bagi individu atau keluarga yang tidak dapat memenuhi keperluan asas.</p>
Kemiskinan Mutlak		<p>Kemiskinan mutlak merupakan keadaan individu atau keluarga hidup di bawah garis kemiskinan tertentu yang ditentukan oleh kerajaan atau institusi lain. Garis kemiskinan mutlak biasanya berdasarkan ambang pendapatan atau perbelanjaan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas, seperti makanan, perumahan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan. Sekiranya pendapatan atau perbelanjaan individu atau keluarga berada di bawah garis kemiskinan mutlak, mereka dianggap sebagai miskin mutlak. Kemiskinan mutlak ditakrifkan sebagai isi rumah empat orang dengan pendapatan di bawah RM2208 sebulan (keseluruhan PLI).</p>	<p>Garis kemiskinan mutlak boleh berbeza antara negara dan institusi. Sebagai contoh, di sesetengah negara, garis kemiskinan mutlak boleh ditetapkan pada tahap pendapatan yang mencukupi untuk membeli makanan, perumahan, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan asas.</p>
Kemiskinan Relatif		<p>Kemiskinan relatif melibatkan perbandingan pendapatan/perbelanjaan individu atau keluarga dengan purata pendapatan/perbelanjaan dalam populasi atau kumpulan sosial tertentu. Dalam pengertian ini, kemiskinan relatif bukanlah penilaian kekurangan mutlak, tetapi perbandingan relatif dari segi kekayaan atau tahap sosial. Sekiranya pendapatan atau perbelanjaan seseorang jauh di bawah paras purata, mereka dianggap sebagai agak miskin. Kemiskinan relatif ditakrifkan sebagai isi rumah dengan pendapatan bulanan 50% di bawah pendapatan median isi rumah yang kini adalah RM2940.</p>	<p>Kemiskinan relatif melibatkan perbandingan pendapatan/perbelanjaan individu atau keluarga dengan purata pendapatan atau perbelanjaan dalam populasi atau kumpulan sosial tertentu. Tidak ada angka standard yang digunakan secara universal untuk mengukur kemiskinan relatif kerana bergantung kepada konteks sosial dan ekonomi setiap negara.</p>
Indeks Kemiskinan			

mempertimbangkan sifat kemiskinan multidimensi dan keperluan bagi menilai petunjuk lain seperti akses terhadap pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perkhidmatan asas bagi mendapatkan pemahaman yang komprehensif tentang kesejahteraan individu dan masyarakat. Secara keseluruhan, Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam mengurangkan kemiskinan sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Usaha berterusan diperlukan untuk menangani baki kemiskinan dan memastikan pembangunan mampan dan inklusif untuk semua rakyat Malaysia.

Kelas kemiskinan di Malaysia

Kemiskinan di Malaysia seperti di negara lain, tidak mempunyai definisi tunggal dan tetap. Walau bagaimanapun, kemiskinan biasanya ditakrifkan sebagai keadaan individu atau keluarga tidak mempunyai akses yang mencukupi terhadap sumber ekonomi, sosial, dan bahan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan asas hidup mereka. Kerajaan menggunakan beberapa definisi dan ukuran kemiskinan untuk menganalisis dasar dan program bantuan sosial di Malaysia. Pendekatan yang biasa digunakan untuk menganalisis data tersebut termasuklah garis kemiskinan mutlak, garis kemiskinan relatif dan indeks kemiskinan. Yang berikut merupakan definisi Indeks Garis Kemiskinan (PLI) dan definisi pengukuran kemiskinan. Definisi dan pengukuran kemiskinan mungkin berbeza antara sesebuah negara dan institusi. Definisi dan pengertian tersebut juga boleh dipengaruhi oleh faktor seperti tahap pembangunan ekonomi, taraf hidup, dan konteks sosial setiap negara.

Angka pendapatan yang digunakan untuk mengukur

kemiskinan boleh berubah dari semasa ke semasa berdasarkan perubahan keadaan ekonomi. Oleh itu, maklumat terkini daripada agensi kerajaan atau agensi statistik di Malaysia akan memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai tahap pendapatan bagi setiap klasifikasi kemiskinan di negara ini. Nilai USD1.90 sehari bermaksud USD1.90 x 8 jam x RM 4.61 = RM70 sehari atau RM2102.60 sebulan. Tahap kemiskinan mutlak di Malaysia baru sahaja diubah menjadi RM2208 sebulan yang sangat hampir dengan pengiraan di atas. Kadar tersebut merupakan kadar semakan EPU yang telah bekerjasama dengan UNDP untuk menyemak semula Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI).


Komitmen Malaysia untuk membasmi kemiskinan bermula sejak tahun 1971 dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dasar ini berjaya mengurangkan kemiskinan tegar daripada 49% pada tahun 1970 kepada 17% pada tahun 1990. Usaha itu diteruskan lagi dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang dilancarkan pada tahun lalu yang memperbaharui fokus untuk menangani kemiskinan di Malaysia. Sasaran penting yang ditetapkan dalam RMK-12 adalah untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2025 menerusi pelaksanaan Program Basmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia

(BMTKM) yang dilaksanakan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sekitar 20% isi rumah M40 telah beralih ke nilai ambang pendapatan B40 pada tahun 2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19. Daripada 2.91 juta isi rumah B40 pada tahun 2019, sejumlah 68% isi rumah B40 menetap di kawasan bandar, manakala baki 32% lagi berada dalam komuniti luar bandar.

Kesan Kegawatan dan Pasca-COVID-19 terhadap Kadar Kemiskinan

Rajah 3 menunjukkan kedudukan kemiskinan pada tahun 2019, iaitu sebelum berlakunya pandemik COVID-19 dan kegawatan menyerang negara pada April 2020. Kadar kemiskinan nasional pada tahun 2019 ialah 5.6% dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya merekodkan kadar kemiskinan 0.2% dan 0.4%. Selangor dan Pulau Pinang pula merekodkan kadar kemiskinan 1.2% dan 1.9%. Kemudian, Labuan, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Pahang menyusul dengan merekodkan kadar kemiskinan antara 3.1% hingga 4.3%. Kumpulan berikutnya ialah negeri Perak, Terengganu, Kedah dan Sarawak yang merekodkan kadar kemiskinan antara 6.1% hingga 9.6%. Negeri terkebelakang ialah Kelantan dan Sabah dengan




Rajah 3 Insiden kemiskinan mutlak mengikut negeri di Malaysia bagi tahun 2019 hingga 2020.

merekodkan kadar kemiskinan antara 12% hingga 20%.

Apabila kegawatan dan pandemik COVID-19 menyerang, kadar kemiskinan melonjak naik sehingga mencapai tahap 8.4% pada peringkat nasional yang merupakan kenaikan sebanyak 50%. Pada waktu itu, Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor masih mampu bertahan. Namun, negeri Pulau Pinang, Labuan, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan mengalami kadar peningkatan kemiskinan sehingga 67%. Negeri Pahang, Perlis, Perak, Terengganu, Kedah dan Sarawak juga mengalami peningkatan kadar pengangguran sehingga menjadi lebih 12%. Perlis pula merekodkan peningkatan kadar pengangguran sehingga lebih 150% manakala dua negeri Kelantan dan Sabah, kadar kemiskinan meningkat melebihi 25%. Pokoknya, semua isi rumah di seluruh negara terjejas disebabkan oleh kesan kegawatan ekonomi dan COVID-19.

Rajah 4 menunjukkan penengah pendapatan yang paling rendah ialah di Kelantan, iaitu RM 3919 dengan kadar penurunan sebanyak 15.5%. Puratanya juga turun 9.5% menjadi RM 4411. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa kadar kemiskinan telah meningkat daripada 5.6% kepada 8.4% pada tahun 2020 dengan kira-kira 640 000 isi rumah berada dalam kemiskinan. Laporan itu juga menunjukkan bahawa 78 000 isi rumah berada dalam kemiskinan tegar, iaitu mereka yang meraih pendapatan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan untuk makanan.

Seluruh lapisan masyarakat terkesan kerana purata pendapatan isi rumah jatuh sebanyak 10.3% kepada RM7089 manakala pendapatan penengah isi rumah pula susut 11.3% kepada RM5209 sebulan. Pendapatan isi



Rajah 4 Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah dan purata mengikut negeri bagi tahun 2019 dan 2020.

rumah penengah ini lebih rendah berbanding dengan pendapatan yang diperoleh pada tahun 2016. Perkara penting yang ada dalam laporan tersebut ialah kegawatan ekonomi dan kesan COVID-19 telah menolak turun pendapatan isi rumah dan kemiskinan di Malaysia ke tahap tahun 2014 atau 2015. Jadual 1 menunjukkan


kedudukan garis kemiskinan pada tahun 2014 yang menjadi tanda aras baharu selepas tahun 2019 disebabkan oleh kesan kegawatan dan COVID-19.

Pekali Gini yang mengukur jurang ketidaksamaan pendapatan dalam kalangan isi rumah di Malaysia juga telah meningkat daripada 0.407 pada tahun 2019 kepada

Jadual 1 Pendapatan kasar bulanan isi rumah purata mengikut negeri dan strata bagi tahun 2012 dan 2014.

Negeri	2012			2014		
	Pendapatan isi rumah purata (RM)			Pendapatan isi rumah purata (RM)		
	Bandar	Luar bandar	Jumlah	Bandar	Luar bandar	Jumlah
Johor	5001	3628	4658	6588	4971	6207
Kedah	3962	2475	3425	4893	3555	4478
Kelantan	3807	2701	3168	4403	3094	3715
Melaka	4926	3942	4759	6157	4810	6046
Negeri Sembilan	5029	3852	4576	5821	3955	5271
Pahang	4376	3075	3745	4947	3528	4343
Pulau Pinang	5270	3970	5055	6105	4282	5993
Perak	3974	2777	3548	4581	3278	4268
Perlis	4737	2730	3538	4769	3982	4445
Selangor	7311	3798	7023	8471	5272	8252
Terengganu	4596	3110	3967	5356	3863	4816
Sabah	4671	2909	4013	5568	3773	4879
Sarawak	5516	2754	4293	6075	3387	4934
W.P. Kuala Lumpur	8586	-	8586	10 629	-	10 629
W.P. Labuan	6563	5567	6317	7872	5475	7591
W.P. Putrajaya	8101	-	8101	10 401	-	10 401
Semenanjung	5846	3154	5164	6968	3936	6368
Sabah dan Labuan	4746	2968	4089	5695	3794	4985
Sarawak	5516	2754	4293	6075	3387	4934
Malaysia	5742	3080	5000	6833	3831	6141

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri



Rajah 5 Peratusan isi rumah yang mengalami penurunan pendapatan.

0.411 pada tahun 2020. Jika dilihat pengelasan isi rumah yang berikut mengikut Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2020, kita dapat melihat perpindahan dalam julat bagi beberapa kumpulan penting.

B 40 - Kumpulan berpendapatan rendah
 B 1 - RM 1929 - RM 1849
 B 2 - RM 2786 - RM 2803
 B 3 - RM 3556 - RM 3561
 B 4 - RM 4387 - RM 4395

M40 - Kumpulan berpendapatan sederhana
 M 1 - RM 5336 - RM 5346
 M 2 - RM 6421 - RM 6477
 M 3 - RM 7828 - RM 7841
 M 4 - RM 9695 - RM 9730

T20 - Kumpulan berpendapatan tinggi
 T 1 - RM 12 586 - RM 12 720
 T 2 - RM 19 781 - RM 24 293

Rajah 5 menunjukkan kesan kegawatan dan COVID-19 telah mengubah pendapatan isi rumah sehingga menyebabkan sebahagian daripada rakyat terpaksa berpindah status. Misalnya, 12.1% isi rumah telah berpindah ke tahap paling rendah, iaitu kumpulan B manakala 9.3% ke kumpulan B2. Kemudian, 20% kumpulan M40 telah berpindah ke kumpulan B40, manakala hampir 34% telah berpindah turun daripada M4 ke tahap yang lebih rendah. Lebih 12.8% kumpulan berpendapatan tinggi telah berpindah ke kumpulan M40, manakala 22.1% telah turun ke tahap T1. Hal ini telah mengubah agihan pendapatan daripada 16% kepada 15.9% pada tahap B40, daripada 37.2% kepada 36.9% pada tahap M40 dan daripada 46.8% kepada 47.2% pada tahap T20.

Agihan pendapatan dalam kalangan kumpulan T20 meningkat daripada 46.8% kepada 47.2% manakala pendapatan yang diperoleh kumpulan M40 dan B40


semakin mengecil daripada 53.2% kepada 52.8%. Perkembangan itu bukan bermaksud golongan T20 semakin kaya berbanding sebelum wabak COVID-19 tetapi membawa maksud bahawa golongan B40 dan M40 lebih terkesan berbanding dengan golongan berada.

Purata pendapatan isi rumah di seluruh negara telah menurun sebanyak 10.3% (daripada RM7901 menjadi RM7289) disebabkan oleh kesan kegawatan dan COVID-19. Pendapatan menengah turun lebih besar sebanyak 11.3% (daripada RM5873 menjadi RM5209). Rajah 6 menunjukkan penengah pendapatan bagi ketua keluarga di seluruh Malaysia bagi tahun 2019, Mei 2020, September 2020 dan Mac 2021.

Kita dapat melihat penengah pendapatan telah menurun sebanyak 37% (daripada RM2219 menjadi RM1400) dalam tempoh empat bulan apabila COVID-19 melanda negara. Penengah pendapatan kemudiannya meningkat semula selepas ekonomi dibuka, tetapi hingga kini penengah itu belum pulih seperti tempoh sebelum kegawatan. Bagi kumpulan wanita dan golongan istimewa, kedudukan penurunan penengah pendapatan mereka jauh lebih perit.

Pemulihan Ekonomi dan Penurunan Kadar Kemiskinan pada Tahun 2022

Sejak bulan September 2021, ekonomi Malaysia telah berjaya keluar dari kegawatan yang memakan tempoh lebih sembilan bulan (biasanya kegawatan akan tamat dalam tempoh enam bulan). Dalam tempoh kegawatan pada tahun 2020, kadar pertumbuhan negatif direkodkan pada -5.5%. Kadar pertumbuhan meningkat sebanyak 3.3%



Rajah 6 Penengah pendapatan bagi ketua keluarga di seluruh Malaysia bagi tahun 2019, Mei 2020, September 2020 dan Mac 2021.


pada tahun 2021 dan 8.7% pada tahun 2022. Pendapatan isi rumah juga meningkat dalam tempoh ini dan menyebabkan kadar kemiskinan turun dengan agak cepat. Purata gaji naik daripada RM2933 pada tahun 2020 kepada RM3037 pada tahun 2021. Penengah gaji pula naik daripada RM2062 pada tahun 2020 kepada RM 2250 pada tahun 2021.

Purata pendapatan isi rumah di seluruh negara telah menurun sebanyak 10.3% (daripada RM7901 menjadi RM7289) disebabkan oleh kesan kegawatan dan COVID-19.

Kesannya, jumlah miskin tegar berkurangan kepada 129 395 isi rumah setakat 30 September 2022 berbanding dengan 260 000 yang dicatatkan pada 31 Oktober 2021 dan hal ini memberikan impak besar terhadap jurang sosioekonomi. Persoalannya, wajarkah kita membiarkan pemulihan berlaku semula jadi dan mengharapkan kumpulan paling terjejas dan kumpulan miskin ini pulih dalam masa tertentu? Atau perlukah kerajaan menggunakan waktu keemasan ini untuk mengerah kumpulan miskin dan yang berpendapatan rendah ini melakukan pembaharuan dalam cara hidup bagi mengeluarkan mereka dari kancah kemiskinan?

Perlukah mereka menceburi sektor dan jenis pekerjaan yang lain untuk membolehkan mereka keluar dari kancah kemiskinan atau mencuba meningkatkan tahap produktiviti dalam pekerjaan mereka supaya mereka dibayar gaji yang lebih tinggi oleh majikan? Mungkin jawapannya tidak semudah itu kerana perlu menggabungkan kesemuanya dan memperkenalkan strategi baharu yang lebih berkesan.

Walaupun kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kebimbangan dibangkitkan



mengenai kecukupan garis kemiskinan negara dalam mencerminkan kos sara hidup sebenar. Hal ini menekankan bahawa perlunya kajian semula dan pelarasan garis kemiskinan secara berkala untuk memastikan cerminan dengan tepat dalam realiti ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat, terutamanya di kawasan bandar yang jelas kos sara hidupnya cenderung lebih tinggi.

Persoalan yang dibangkitkan dalam makalah ini ialah asas penentuan kemiskinan seseorang yang berpandukan pada pendapatan isi rumah. Pendapatan isi rumah jauh berbeza dari pendapatan individu. Lebih 70% isi rumah adalah kumpulan pekerja di Malaysia. Mereka mendapat pendapatan pengajian secara bulanan. Statistik menunjukkan bahawa penengah pendapatan individu ialah RM2300 sebulan. Hal ini bermakna sekurang-kurangnya 50% daripada kumpulan warga kerja memperoleh gaji sebanyak RM2250 sahaja

sebulan. Kadar kemiskinan yang baharu ditetapkan pada kadar RM2208. Oleh itu, sekurang-kurangnya 45% daripada kumpulan warga yang makan gaji berada dalam kemiskinan.

Sungguhpun demikian, pendapatan penengah isi rumah adalah melebihi RM5000 dalam tempoh yang sama. Secara teknikalnya, jumlah ini adalah jauh lebih tinggi daripada tahap kemiskinan RM2208. Oleh itu, berdasarkan pendapatan isi rumah ini hanya terdapat kurang daripada 200 000 orang miskin tegar di Malaysia. Persoalannya apakah pembeza yang membezakan antara pendapatan isi rumah dengan pendapatan individu ketika jumlah keluarga yang bergantung pada ketua keluarga sebagai penjana pendapatan tunggal adalah amat besar? Pendapatan isi rumah pula mengandungi banyak elemen pendapatan bukan tunai seperti nilai sewa rumah yang dimiliki termasuk rumah yang sedang diduduki sendiri. Hal ini menyebabkan

pendapatan isi rumah merupakan satu angka yang agak melirukan untuk digunakan bagi penentuan status kemiskinan.

Kerajaan MADANI pada hari ini melihat perspektif pragmatik dan bertekad untuk menghapuskan kemiskinan tegar sebagai strategi asasnya seperti yang digariskan dalam RMK-12. Kaedah yang dicadangkan termasuklah memupuk kumpulan tersebut untuk menjadi usahawan tani dan usahawan makanan yang berwibawa. Matlamatnya ialah kesemua 150 000 kumpulan miskin tegar ini akan keluar dari kancah kemiskinan dalam tempoh dua tahun akan datang. Proses penghapusan kemiskinan mesti diambil kira sebagai strategi yang berterusan dengan tidak terlalu mengharapkan pencapaian yang drastik. END

Profesor Emeritus Dr. Barjoiy Bardai, Pensyarah Sekolah Perniagaan Siswazah, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK).